

Seminar *You Are What You Eat*

Oleh : Aznina Amilda Aziz

JUMAAT, 19 APRIL – Ceramah bertajuk *You Are What You Eat* telah diadakan pada Jumaat yang lalu di Auditorium Perpustakaan UMS pada jam 12.00 tengahari sehingga 2.00 petang.

Ramlah Jakaria berkata, “Walaupun tajuk ceramah ini nampak ringkas dan umum namun pengisian sebenar adalah bagi mengupas isu berkaitan makanan sihat dari perspektif Islam dan tajuk sebegini dipilih bagi menarik perhatian mahasiswi dan apabila mereka melihat tajuk tersebut mereka akan tertanya-tanya apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan *You Are What You Eat*”, kata Ramlah.

Beliau yang juga pengarah Program Selendang Sutera berkata, “Ceramah ini sebenarnya merupakan salah satu aktiviti dibawah Program Selendang Sutera anjuran Exco Hal Ehwal Wanita Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang lebih menjurus kepada pengisian semasa solat jumaat.”

Profesor Madya Mariam Abdul Latif telah dijemput selaku penceramah bagi mengupas isu makanan halal dalam ceramah kali ini.

“Program Selendang Sutera adalah program berkala yang berlangsung dua minggu sekali dalam satu bulan. Program ini juga mengupas tajuk yang berbeza setiap kali ia diadakan. Seperti dua minggu lalu, tajuk ceramah yang diadakan adalah *Aku, Dia dan Cinta*”, kata Ramlah lagi.

“Walaupun tidak ramai peserta kali ini tetapi diharap ramai mahasiswi akan hadir di masa akan datang dan untuk dua minggu seterusnya, tajuk ceramah adalah berkenaan *“Kematangan Mahasiswa, Sejauhmana?”*”, katanya lagi.